

# Kenyataan Dr. Mahathir anti-Yahudi — Zuroff

UM

17 OCT 2003

BAITULMAQDIS 16 Okt. — Dunia sepatutnya menghalang Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada terus mengeluarkan kenyataan yang berbau anti-Yahudi, kata Pengarah Pusat Simon Wiesenthal, Israel, Efraim Zuroff hari ini.

Menurutnya, Dr. Mahathir telah membuat kenyataan seumpama itu pada perasmian Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Kuala Lumpur.

“Beliau adalah seorang anti-Yahudi dan Dr. Mahathir tidak menyembunyikan hakikat itu,” kata Zuroff yang mengetuai pertubuhan hak asasi manusia itu di Israel.

“Sudah tiba masanya negara-negara di dunia yang demokratik, liberal dan bebas menggerakkan usaha bagi menghalang Dr. Mahathir daripada terus mengeluarkan kenyataan yang membenci kaum Yahudi.

“Masalahnya ialah (Dr. Mahathir) mengetahui beliau boleh bercakap mengenai perkara tersebut dengan bebas dan tidak ada sesiapa pun yang akan menghalangnya.

“Kenyataan beliau dibuat pada sidang

kemuncak OIC ia dilihat diterima sepenuhnya (oleh para perwakilan),” kata Zuroff.

“Saya meminta maaf untuk memberitahu kepada para perwakilan Islam yang berhimpun di Putrajaya yang mewakili 20 peratus daripada penduduk dunia bahawa anti-Yahudi telah diterima (di sidang tersebut).

“Ia merupakan salah satu pangkalan keganasan Islam,” katanya.

Awal hari ini, Dr. Mahathir menuduh kaum Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi dengan berkata mereka membiarkan orang lain untuk berjuang dan mati untuk kaum tersebut.

Beliau menggesa umat Islam mencontohi cara Yahudi bertindak balas dengan menamatkan kaum itu terselamat daripada pembunuhan kaum selama 2,000 tahun bukan dengan cara menyerang balas tetapi dengan berfikir.

“Sebanyak 1.3 bilion umat Islam tidak sepatutnya dikalahkan oleh hanya beberapa juta penduduk Yahudi,” katanya. — AFP